

BACIDIN CONCENTRATE SOLUTION

Chlorhexidine Gluconate (5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bacidin Solution
2. Bagaimana Bacidin Solution berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bacidin Solution
4. Cara menggunakan Bacidin Solution
5. Semasa menggunakan Bacidin Solution
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bacidin Solution
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Bacidin Solution

Bacidin Solution digunakan sebagai agen pembasmi kuman:

- pada kulit sebelum pembedahan dijalankan.
- pada luka dan kulit melecur.
- pembersihan luka selepas bersalin dan perbidanan.

Bagaimana Bacidin Solution berfungsi

Chlorhexidine adalah bahan pembasmi kuman, berkesan terhadap pelbagai jenis bakteria.

Sebelum menggunakan Bacidin Solution

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) terhadap Chlorhexidine atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada bahagian otak dan gegendang telinga yang berlubang.
- Tidak boleh gunakan ubat ini pada mata.

-Sebelum mula menggunakan Bacidin Solution

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai alahan terhadap chlorhexidine.
- hamil atau sedang menyusukan anak.
- menggunakan ubat antimikrobial lain pada masa yang sama.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau sejak kebelakangan ini ada mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Bacidin Solution

-Berapa banyak harus digunakan

Ubat ini merupakan larutan pekat yang memerlukan pencairan sebelum digunakan.

- untuk tujuan membasmikan kuman pada luka dan kelecuran; luka pembedahan selepas bersalin:
Sila mencairkan larutan untuk menghasilkan Bacidin 0.05% w/v *aqueous solution* (Rujuk kepada Panduan Penyediaan yang berikut)
- untuk tujuan pembasmian kuman sebelum pembedahan kulit:
Sila mencairkan larutan untuk menghasilkan Bacidin 0.5% w/v *alcohol solution* (Rujuk kepada Panduan Penyediaan yang berikut)

Panduan penyediaan:

- Untuk menghasilkan Bacidin 0.05% w/v *aqueous solution*:

Campurkan 10ml Bacidin dengan air sehingga isipadu mencapai 1L.

- Untuk menghasilkan Bacidin 0.5% w/v *alcohol solution*:

Campurkan 100ml Bacidin dengan 200ml air, kemudian tambahkan alkohol 95% sehingga isipadu campuran mencapai 1L.

-Bila perlu digunakan

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan nasihat doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum guna ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika tertelan, simptom seperti gangguan pencernaan, sesak nafas, perubahan warna kulit mungkin berlaku.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengesyaki diri sendiri atau orang lain telah menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Bacidin Solution

-Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan larutan pekat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Larutan pekat ini adalah untuk kegunaan pada kulit sahaja.
- Jangan telan larutan ini.
- Tidak boleh digunakan bersama sabun mahupun gabus.
- Jangan campurkan larutan ini dengan apa-apa bahan kimia atau bahan pencuci.
- Jangan gunakan larutan yang belum dicairkan pada permukaan kulit yang sensitif.

Jangan berkongsi Bacidin Concentrate Solution dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika berlaku sebarang ketidaksesuaian kulit selepas menggunakan ubat ini, hentikan penggunaan dan bilas dengan air dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, kesukaran bernafas, hendak pengsan atau denyutan jantung yang laju.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Orang Awam→Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI).

Cara penyimpanan dan pelupusan Bacidin Concentrate Solution

-Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

BACIDIN CONCENTRATE SOLUTION

Chlorhexidine Gluconate (5% w/v)

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna merah.

Boleh didapati dalam bungkus 500ml

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Chlorhexidine Gluconate

-Bahan tidak aktif

Carmoisine Colour Powder, Purified

Water, Fougere Fragrance, Isopropyl

Alcohol, Polysorbate 20.

-Nombor MAL

MAL19912884XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini

21/08/2018

Nombor Siri

NPRA (R4/1)200818/00244